

03/04/2000

Bukti Umno, BN terus relevan pada alaf baru

Shariffudin Mohamed

PAS yang terlalu yakin dapat memenangi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Sanggang, Pahang, semalam agak tersentak dengan keputusan itu yang memihak kepada Barisan Nasional (BN). Mereka gagal menawan kerusi itu, kononnya sebelum ini dikatakan Sanggang akan dijadikan misi pertama mereka untuk merampas Pahang daripada BN dalam pilihan raya umum akan datang. Mereka sudah pun menghebohkan kononnya Pahang akan menjadi 'mangsa' mereka dalam pilihan raya umum akan datang. Dalam pilihan raya kecil itu, calon BN, Redzwan Harun menewaskan calon Pas, Hishamuddin Yahya dengan majoriti 1,963. Redzwan mendapat 6,743 undi manakala Hishamuddin mendapat 4,780 undi.

Keputusan di Sanggang ini menunjukkan dengan jelas bahawa pengundi, terutama orang Melayu menganggap Umno tetap menjadi parti darah daging mereka. Umno terus relevan pada abad baru ini. Dengan itu, pengundi memberi kemenangan kepada Redzwan, ahli jawatankuasa Umno bahagian Mentakab.

Biarpun setiap kali majlis kempen barisan alternatif menarik ribuan orang, kemenangan Redzwan bererti rakyat Sanggang tetap mahu BN mewakili mereka sebagaimana sebelum ini.

Berdasarkan keputusan pilihan raya kecil, daerah pengundi Melayu yang dulu dimenangi Pas kini beralih semula kepada Umno, sekaligus parti tunjang BN itu tidak boleh disisihkan daripada bangsa Melayu.

Umpamanya, BN menang di daerah pengundi Melayu di Kerbau, Teluk Sentang dan Sanggang, apatah lagi daerah pengundi bukan Melayu di bandar Mentakab yang turut disapu bersih.

Dalam pilihan raya kecil itu Pas hanya dapat menunjukkan kekuatan luaran saja, tetapi isinya kosong. Mereka membawa masuk ratusan penyokong dari luar pada hari mengundi, tetapi kehadiran mereka hanyalah untuk membuat kacau.

Mereka juga melantik beratus perayu undi, melebihi bilangan perayu undi BN di setiap pusat mengundi. Mereka menunjukkan sikap agresif dengan memaksa pengundi memasuki pondok mereka.

Perbuatan penyokongnya menunjukkan gambar isyarat lucah yang dilakukan Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob pada hari penamaan calon 21 Mac lalu kepada orang ramai yang melalui jalan ke pusat mengundi dianggap sudah melampau.

Pemerhati berpendapat sebagai orang Islam, tindak-tanduk penyokong Pas yang terlalu agresif dan kelihatan seolah-olah seperti samseng itu tidak berlandaskan ajaran Islam.

Ketua Penerangan Umno Sabah, Datuk Karim Ghani, yang turut membantu kempen BN, berkata penyokong Pas yang banyak dibawa dari luar bertindak tidak Islamik kerana mengganggu proses pengundian.

"Mereka bertindak seperti samseng dengan membawa bendera Pas sambil menaiki motosikal di merata kampung sehingga pengundi takut untuk keluar mengundi," katanya.

Mengulas perkara yang sama, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu, Datuk Idris Jusoh, berkata Pas sebenarnya adalah sebuah parti serba boleh iaitu boleh mengkafirkan Umno dan bermacam-macam lagi semata-mata untuk memenangi pilihan raya.

"Penduduk Sanggang akan menjadi mangsa kerana janji yang ditaburkan hanya tinggal janji. Jadi kita mesti berhati-hati kerana mereka sebenarnya tidak ikhlas memajukan penduduk Sanggang. Mereka tidak mepedulikan nasib

pengundi, sebaliknya hanya memikir slogan dan kepentingan parti," katanya.

Bagi pilihan raya kecil itu, beliau berkata, Pas didapati membawa masuk ramai petugas serta penyokong dari Kelantan dan Terengganu untuk berkempen.

"Mereka hanya datang ke Sanggang untuk berjanji, selepas itu mereka akan balik ke Terengganu dan Kelantan," katanya.

Ketandusan isu besar setempat menyebabkan Pas mengambil kesempatan menyelar perbuatan Adnan itu dan latar belakang pengajian agama calon BN sepanjang kempen mereka untuk memancing undi.

Penyokong parti pembangkang itu juga dikatakan mengedar pelbagai dokumen palsu untuk memburukkan pemimpin kerajaan dan Umno.

Ini termasuk surat menggunakan kepala surat pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri kononnya Pegawai Kewangan Negeri meluluskan permohonan Menteri Besar sebanyak RM680,000 untuk diagihkan kepada setiap peti undi di DUN Sanggang.

Satu lagi ialah surat kononnya daripada Jabatan Agama Islam Pahang (Jaip) yang mengeluarkan arahan kepada semua masjid melupuskan buku Mustika Hadis dan al-Quran, selain cetakan Malaysia, kerana tafsiran dalam kedua-dua buku itu tidak menepati agama mengikut kehendak kerajaan Pahang.

Berita kononnya Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Ketari daripada Gerakan, Datuk Loke Ah Kow, meninggal dunia turut disebar kerana ada pihak mempercayainya.

Semua ini ternyata tidak berhasil kerana rakyat sudah muak dengan aksi pemimpin Pas yang tidak habis-habis menggunakan taktik kotor tanpa mengetahui fakta sebenar.

Bagi mematahkan hujah Pas, sepanjang kempen, Umno tidak menganjurkan majlis besar-besaran, sebaliknya dari rumah ke rumah dan lebih kerap menemui pengundi melalui projek mesra rakyat serta keluarga angkat.

Majlis ceramah BN yang kadang kala hanya membabitkan 30 orang didapati berkesan kerana mudah bagi pemimpin seperti Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Besar, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak dan beberapa pemimpin lain mendengar masalah dan mendekati rakyat.

Abdullah yang mengetuai kempen BN turut mengambil kesempatan turun padang menemui petugas BN dan penduduk tempatan di sekitar perkampungan Melayu dan bandar Mentakab sehingga larut malam.

Malah, ada masalah rakyat diselesaikan segera oleh Adnan selaku Menteri Besar kerana sudah berlarutan sehingga lebih 10 tahun.

Ini dibuktikan apabila Adnan mendapati rumah sekeluarga miskin di Kampung Bangau Tanjung tidak mempunyai bekalan elektrik dan air sejak 15 tahun lalu apabila dimaklumkan Ketua Umno cawangan kampung itu, Sidek Othman.

Justeru, beliau meluluskan segera peruntukan untuk membiayai pemasangan paip air dan wayar elektrik di rumah sekeluarga tiga orang itu.

Seorang pemimpin Umno negeri berpendapat strategi Umno dalam pilihan raya kecil ini berlainan .

Katanya, sejak Adnan menjadi Menteri Besar, beliau sering mengingatkan pemimpin kerajaan dan Umno supaya kembali kepada perkara asas iaitu bermesra dengan rakyat.

Dalam hal ini, dalam ceramahnya, Adnan berkata, kerajaan negeri akan mengutamakan golongan kurang bernasib baik seperti warga tua, cacat, anak yatim dan ibu tunggal selain mereka yang miskin.

"Kita tidak perlu memikirkkan hal besar kerana masalah di kampung hanya berkait dengan periuk nasi, makan, pakaian dan peluang anak bersekolah serta amal ibadat.

"Janganlah kita mendengar cakap-cakap mengenai kebebasan, demokrasi dan keadilan," katanya.

Beliau turut mengarahkan semua wakil rakyat BN membuka klinik perkhidmatan bergerak setiap kali mereka mengadakan lawatan atau merasmikan majlis tertentu bagi membolehkan rakyat mengemukakan masalah dengan mudah.

Ini adalah pendekatan terbaru kerajaan negeri dalam usaha mendekatkan pemimpin dengan rakyat pelbagai golongan, terutama yang miskin.

Walaupun wakil rakyat mempunyai pusat perkhidmatan di tempat masing-masing, ia kadang kala tidak dikunjungi orang ramai kerana sebab tertentu, termasuk kedudukannya agak jauh.

Pilihan raya kecil ini memberi suntikan semangat kepada Adnan untuk menerajui Umno Pahang selepas dilantik menjadi Pengerusi Perhubungan Umno negeri.

Kemenangan Redzwan berjaya menyekat hasrat pembangkang daripada menambah satu lagi kerusi DUN Pahang selepas merampas lapan kerusi dalam pilihan raya umum November lalu. Ini mengukuhkan kedudukan Umno di Pahang serta menolak dakwaan Pas kononnya parti itu adalah Islam.

Najib berkata kemenangan Redzwan menandakan pemulihan semula Umno dan BN, selepas pelbagai spekulasi dibuat terhadap kedudukan parti tunjang BN itu dan kepemimpinan negara.

Ketika mengulas kemenangan BN, katanya, kejayaan Redzwan secara tidak langsung memberi kesan pada peringkat nasional kerana pilihan raya kecil itu adalah yang pertama selepas pilihan raya umum ke-10, November lalu.

"Saya bangga kerana keputusan itu boleh menjadi titik permulaan ke arah pemulihan Umno dan BN di peringkat nasional dan Pahang," katanya.

Ini juga membuktikan bahawa hanya Umno dan BN yang dipimpin Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Abdullah akan terus menjadi wadah perjuangan kepada semua bangsa di Malaysia.

(END)